

## HASIL PENILAIAN RISIKO DAN STATUS PELAN PEMULIHAN RISIKO PENGURUSAN MAKLUMAT

<b>Bil</b>	<b>Output penilaian risiko</b> Jumlah Aset = 530 Jumlah Bilangan Risiko = 1109	<b>Punca dominan</b>	<b>Pelan pemulihan</b>	<b>Tanggungjawab</b>
1.	Aset berisiko tinggi = 13 ancaman  i. Pusat data ii. Pembayaran yuran pelajar iii. Laporan pemeriksaan kesihatan	i. Bangunan yang menempatkan Pusat Data Utama di IDEC Beta dijangka akan menjadi ancaman kepada kesinambungan perkhidmatan Pusat Data/ICT, berdasarkan risiko berikut:  a. Usia bangunan melebihi 50 tahun serta tidak pernah melalui proses pemeriksaan layak diduduki.  b. Kedudukan Pusat Data di aras bawah (G floor) adalah berisiko tinggi (banjir) serta tidak mematuhi garis panduan pembangunan Pusat Data oleh pihak <i>Uptime Institute</i> (keperluan: aras satu).	i. Pusat Data akan beroperasi di lokasi sediaada (Bangunan IDEC BETA) dengan melaksanakan kawalan:  <ul style="list-style-type: none"> <li>• pemeriksaan bangunan selamat diduduki</li> <li>• mitigasi (mitigation) untuk mengelak banjir di kawasan persekitaran bangunan tersebut.</li> </ul> Cadangan pembangunan Pusat Data baharu ditangguhkan dan akan dilaksanakan apabila pihak Universiti mempunyai peruntukan kewangan.	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, dan Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Bil	Output penilaian risiko Jumlah Aset = 530 Jumlah Bilangan Risiko = 1109	Punca dominan	Pelan pemulihan	Tanggungjawab
		ii. UPM masih menerima pembayaran yuran secara tunai bagi pelajar yang tidak membuat pembayaran melalui bank.  iii. Penerimaan laporan pemeriksaan kesihatan oleh pelajar yang dijalankan daripada Pusat Perubatan luar.	ii. Sifar bayaran yuran pendaftaran secara tunai dengan menggunakan kaedah pembayaran secara <i>online</i> melalui kemudahan "Jom PAY".  iii. Bermula sesi kemasukan 2016/2017, semua pemeriksaan kesihatan akan dilakukan di Pusat Kesihatan Universiti UPM dan data akan disimpan di dalam format digital.	Pejabat Bursar  Pusat Kesihatan Universiti
2.	Aset berisiko sederhana = 254 ancaman  i. Sistem sokongan (rangkaian) ii. Sistem sokongan (pusat data) iii. Proses Muatnaik Data Tawaran Pelajar UPU iv. Sistem Pangkalan Data v. Sistem Aplikasi Kewangan vi. Pembayaran Yuran Pelajar Baharu Prasiswazah	i. Pemantauan harian hanya kepada peralatan sokongan pusat data yang bukan rangkaian.  ii. Proses kemasukan pelawat ke Pusat Data utama masih menggunakan cara manual.  iii. Kawalan proses muatnaik tawaran pelajar.	i. Melaksanakan pemantauan berkala harian khas untuk operasi rangkaian.  ii. Menggunakan sistem <i>online</i> untuk mengurus kemasukan pelawat ke Pusat Data dan menaiktaraf kemudahan elektrik di Pusat Pemulihan Bencana.  iii. Latihan Manual Pengguna Proses Muatnaik Data UPU dalam sistem SMP kepada staf terlibat.	iDEC  iDEC  iDEC

Bil	Output penilaian risiko Jumlah Aset = 530 Jumlah Bilangan Risiko = 1109	Punca dominan	Pelan pemulihan	Tanggungjawab
		iv. Kebolehpercayaan server yang memastikan kesinambungan operasi DB HID yang menyokong penyaluran data beberapa aplikasi utama universiti.  v. Kebolehpercayaan server yang memastikan kesinambungan operasi Aplikasi Kewangan.  vi. Ketersediaan/kemampuan menyediakan Terminal Kad Kredit yang tiada <i>backup</i> di setiap kolej.	iv. Penyelenggaraan berkala dan mewujudkan plan pemulihan Aplikasi HID.  v. Penyelenggaraan berkala dan menjalankan simulasi pemulihan bencana aplikasi kewangan.  vi. Persediaan <i>Cash Box</i> dan mengurangkan zon kutipan dari setiap kolej (17 buah) kepada beberapa zon sahaja.	iDEC  iDEC  Pejabat Bursar
3.	Aset berisiko rendah = 842 ancaman  i. Kad pelajar baharu prasiswazah ii. Pengesahan laporan kesihatan pelajar baharu prasiswazah iii. Pengesahan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah	i. Penambahan mesin pencetak kad pelajar daripada 1 kepada 3 unit.  ii. Menambahbaik pengurusan penyimpanan filem xray.  iii. Pengesahan pendaftaran pelajar baharu terkawal sepenuhnya.	Tidak perlu pelan pemulihan	-